



SKIM LATIHAN 1 MALAYSIA (SL1M TH)

TH adalah sebuah organisasi yang menjadi *Tunggak Kejayaan Ekonomi Ummah* dan *Pengurusan Haji yang Terbilang*. Bagi menjayakan aspirasi negara serta menjalankan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), **TH** mempelawa graduan yang memenuhi syarat kelayakan untuk menjalani Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) **TH**. Pelatih akan menjalani latihan *Soft-Skills* dan *On-The-Job Training* di **TH** antara 6 bulan sehingga 12 bulan dan diberi elauan latihan dan perlindungan takaful sepanjang tempoh latihan.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

1. Graduan mestilah warganegara Malaysia yang beragama Islam dan mempunyai keperibadian positif dan komited.
2. Sihat tubuh badan. (**Fizikal/Mental/Tidak Hamil**)
3. Berumur 22 – 28 tahun sahaja.
4. Telah tamat belajar sekurang-kurangnya 6 bulan atau 1 tahun masih tiada pekerjaan dalam tempoh iklan dikeluarkan.
5. Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang diiktiraf dengan purata minima PNGK (CGPA) 2.5 ATAU Jayyid Jiddan ke atas.
6. Menguasai Fardhu Ain dan boleh membaca Al-Quran dengan baik.
7. Tidak pernah mengikuti Skim Latihan Siswazah / Skil Latihan Graduan / GEMS (Graduate Employment Scheme) / Skim Latihan 1Malaysia.
8. Graduan perlu menghadiri temuduga SL1M.
9. Keutamaan adalah kepada graduan dalam bidang berikut:-

Teknologi Maklumat	Pentadbiran Perundangan	Pemasaran
Pengurusan Perniagaan	Multimedia	Sumber Manusia
Hartanah	Kewangan / Perakaunan	Komunikasi Massa
Kejuruteraan	Pengurusan Pejabat	Pengurusan Risiko

KEMUDAHAN YANG DITAWARKAN

1. Elaun bulanan sebanyak **RM1,500.00 seorang**.
2. Perlindungan insurans takaful berkelompok yang bernilai RM30,000 seorang.
3. Pelatih akan diberikan *Soft-Skills Training*.
4. Pelatih akan dibimbing dan dilatih untuk bekerja sepertimana pekerja tetap syarikat melalui *On-The-Job Training*.
5. Pelatih akan ditempatkan di mana-mana pejabat **TH** Cawangan / Anak Syarikat **TH** bergantung kepada kekosongan keperluan dan penempatan adalah muktamad.

TATACARA PERMOHONAN

1. Mengisi Borang Permohonan Skim Latihan 1Malaysia (SL1M-**TH**) melalui capaian di alamat berikut; <http://tinyurl.com/jos6mjl>
2. Tarikh tutup permohonan adalah pada **23 Oktober 2016**.